**The accused:** Nor Fatihah leaving the courthouse. – Bernama

# Babysitter charged after infant under her care dies

**KUALA LUMPUR:** A babysitter wept hysterically in the dock after claiming trial to a charge of leaving a child under her care unsupervised, which resulted in the death of the infant.

Nor Fatihah Abdul Rahim, 24, could not contain her emotions as she was comforted by her family members after the proceedings ended.

As she was taken away by the police to the lock-up, Nor Fatihah was heard calling out for her mother.

Earlier, she pleaded not guilty after the charge was read out before Sessions Court judge Siti Shakirah Mohtarudin yesterday.

Nor Fatihah was accused of committing the offence, which resulted in the death of the seven-month-old boy, at a nursery in Wangsa Maju on May 26.

The charge, under Section 33 (1) (a) of the Child Act 2001, provides a maximum fine of RM20,000 or a jail term of up to five years or both, if convicted.

Siti Shakirah fixed bail at RM20,000 in one surety.

The case is fixed for mention on Sept 29.

# Pengasuh muda didakwa punca bayi mati di taska

Mahaizura Abd Malik
mahaizura@mediaprima.com.my



NOR Fatihah dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen didakwa atas pertuduhan di bawah seksyen 33(1)(a) Akta Kanak-Kanak sehingga mengakibatkan kematian kepada bayi lelaki, 26 Mei lalu. FOTO Aswadi Alias

Kuala Lumpur: Seorang pengasuh didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, tadi, atas tuduhan tidak membuat pengawasan dan pemeliharaan wajar hingga menyebabkan kematian bayi asuhannya di sebuah taska, Wangsa Maju di sini, tiga bulan lalu.

Tertuduh, Nor Fatihah Abdul Rahim, 24, bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Siti Shakirah Mohtarudin selepas pertuduhan selesai dibacakan pada prosiding hari ini.

Pendakwaan dikemukakan Timbalan Pendakwa Raya, Nidzuwan Abd Latip mengikut Seksyen 33 (1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang boleh dihukum denda tidak melebihi RM20,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan, Nor Fatihah sebagai pengasuh didakwa tanpa mengadakan persediaan bagi pengawasan dan pemeliharaan yang berpatutan sehingga menyebabkan kematian bayi lelaki, Muammar Aidil berusia tujuh bulan sembilan hari.

Kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh kira-kira 11.08 pagi, di sebuah taska di Wangsa Maju, 26 Mei lalu.

Nidzuwan memohon mahkamah tidak menawarkan jaminan terhadap tertuduh dengan mengambil kira keseriusan kesalahan dan pertuduhan sehingga menyebabkan kematian bayi itu.

Namun pihak pendakwaan mencadangkan jumlah amaun jaminan tinggi, RM30,000 ke atas dengan syarat tambahan, melapor diri di balai polis sebulan sekali, menyerahkan pasport serta tidak mengganggu saksi pendakwaan sekiranya jaminan dibenarkan.

Bagaimanapun, Nor Fatihah yang tidak diwakili peguam merayu jaminan dikurangkan dengan alasan bukan datang dari keluarga senang selain menanggung keluarganya.

"Saya ada tanggungan ibu, adik dan ayah kandung sakit saraf di kampung.

"Selain itu, saya ada komitmen dan hujung tahun ini akan berkahwin," katanya.

Siti Shakirah kemudian, membenarkan jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan dimohon pihak pendakwaan.

Mahkamah menetapkan 29 September depan untuk sebutan semula kes.

Selepas tamat prosiding, tertuduh yang memakai jubah hijau dilihat menangis teresak-esak sambil ditenangkan ahli keluarganya sebelum digari untuk dibawa ke lokap mahkamah.

Sebelum ini, media melaporkan, polis menerima laporan bayi lelaki berusia tujuh bulan meninggal dunia dalam kejadian di sebuah taska di Taman Danau Kota, Setapak, 26 Mei lalu.

Timbalan Ketua Polis Daerah Wangsa Maju, Superintendan Syahrul Anuar Abdul Wahab mengesahkan, bayi itu meninggal dunia akibat tersedak susu berdasarkan laporan bedah siasat dilakukan terhadapnya.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 31(1) Akta Kanak-kanak 2001.

**Disiarkan pada: Ogos 22, 2025 @ 1:09pm**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 13 REMAJA BERSALAH BUNUH PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL LAHAD DATU | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 23 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 13 remaja bersalah bunuh pelajar Kolej Vokasional Lahad Datu

## Semua tertuduh bertindak dengan niat bersama menyebabkan kematian mangsa

Oleh Abdul Rahemang Taiming
bhnews@bh.com.my

**Tawau:** Tiga belas remaja berusia antara 16 hingga 19 tahun didapati bersalah membunuh pelajar Kolej Vokasional (KV) Lahad Datu, Mohamad Nazmie Aizzat Mohd Narul Azwan, pada Mac tahun lalu.

Mereka dituduh bersama-sama membunuh Mohamad Nazmie Aizzat, 17, atau dikenali sebagai Ijat, di bilik asrama kolej berkenaan pada jam 9 malam 21 Mac hingga 7.38 pagi 22 Mac tahun lalu.

Hakim Datuk Duncan Sikodol, ketika membacakan keputusan itu di Mahkamah Tinggi, di sini semalam berkata, semua tertuduh didapati bersalah mengikut Seksyen 302 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Dalam penghakimannya, Duncan berkata, berdasarkan penilaian keseluruhan bukti, mahkamah berpuas hati bahawa 13 tertuduh bertindak secara bersama dengan niat bersama hingga menyebabkan kematian mangsa.

Sehubungan itu, katanya pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah.

Beliau berkata, pembelaan tertuduh, sama ada berupa penafian total, alibi, pengakuan separa atau menuding kepada pelajar lain didapati bercanggah dengan bukti saksi bebas serta tidak munasabah.



*Tertuduh dibawa ke Mahkamah Tinggi Tawau, semalam.*
(Foto Abdul Rahemang Taiming/BH)

### Hujahan tak berasas

Dalam pada itu katanya, hujahan pembelaan bahawa tertuduh hanya mahu memberi pengajaran kepada mangsa adalah tidak berasas kerana kecederaan yang dialami terbukti cukup parah dan secara semula jadi membawa maut.

"Isunya bukan sama ada tertuduh berniat untuk membunuh, sebaliknya sama ada kecederaan yang disengajakan itu sudah memadai dalam keadaan biasa untuk menyebabkan kematian.

"Bukti perubatan jelas menunjukkan ia memang membawa maut," katanya.

Selain itu beliau berkata, alasan provokasi juga tidak terpakai kerana apa yang berlaku bukan reaksi spontan, sebaliknya serangan berlarutan dan berulang kali.

Beliau turut menolak hujah bahawa mangsa mungkin terselamat sekiranya menerima rawatan segera kerana keterangan pakar hanya menyebut ia satu kemungkinan, bukan kepastian.

Mahkamah menetapkan 28 Ogos ini untuk prosiding hukuman, sementara menunggu laporan akhlak daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat mengikut peruntukan Seksyen 90(12) Akta Kanak-Kanak 2001.

Pada 15 April lalu, pasukan pembelaan menutup kes selepas memanggil 18 saksi pada perbicaraan peringkat bela diri dengan kesemua 13 remaja terbabit memberi keterangan bersumpah dari kandang saksi.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama yang memperuntukkan hukuman mati atau penjara 30 hingga 40 tahun serta tidak lebih 12 sebatan, jika sabit kesalahan.

Lapan daripada 13 tertuduh diwakili peguam, Kamarudin Mohmad Chinki, Datuk Ram Singh serta Chen Wen Jye, manakala lima tertuduh lagi diwakili peguam Abdul Ghani Zelika dan peguam lantikan, Vivien Thien, Jhasseny P Kang, Kusni Ambotuwo serta Mohamed Zairi Zainal Abidin.

### KRONOLOGI KES BUNUH PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL LAHAD DATU

**22 Mac 2024**
Mohamad Nazmie Aizzat atau lebih mesra dengan panggilan Ijat ditemui meninggal dunia di bilik asrama Kolej Vokasional Lahad Datu.

**23 Mac 2024**
13 remaja lelaki ditahan reman sehingga 4 April 2024.

**2 April 2024**
13 remaja lelaki dihadapkan ke Mahkamah Majistret Lahad Datu atas pertuduhan membunuh.

**19 November 2024**
Prosiding perbicaraan bermula di Mahkamah Tinggi Tawau.

**19 November 2024**
Hakim Mahkamah Tinggi Tawau, Datuk Duncan Sikodol melawat lokasi kejadian di bilik asrama Kolej Vokasional Lahad Datu.

**9 Disember 2024**
Pendakwaan menutup kes selepas panggil 25 saksi.

**28 Februari 2025**
Mahkamah perintah 13 tertuduh bela diri.

**10 Mac 2025**
Kes pembelaan bermula dengan keterangan semua tertuduh diberikan secara bersumpah dari kandang saksi.

**29 April 2025**
Pendakwaan memfailkan hujahan bertulis.

**6 Mei 2025**
Pembelaan mengemukakan hujahan balas.

**22 Ogos 2025**
Mahkamah membuat keputusan semua 13 tertuduh bersalah mengikut Seksyen 302 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan. Keputusan hukuman ditetapkan 28 Ogos depan.

Infografik BH

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 13 BERSALAH SEBABKAN KEMATIAN | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 23 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

**KEMATIAN PELAJAR KV LAHAD DATU**

# 13 BERSALAH SEBABKAN KEMATIAN

**Oleh Abdul Rahemang Taiming**
am@hmetro.com.my

**Tawau**

Seramai 13 remaja berusia 16 hingga 19 tahun didapati bersalah membunuh pelajar Kolej Vokasional (KV) Lahad Datu, Mohamad Nazmie Aizzat Mohd Narul Azwan, 17, dalam kejadian pada Mac tahun lalu.

Hakim Mahkamah Tinggi Tawau, Datuk Duncan Sikodol ketika membacakan ringkasan alasan penghakimannya semalam berkata, semua tertuduh disabitkan kesalahan mengikut Seksyen 302 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Beliau berkata, berdasarkan penilaian keseluruhan bukti, mahkamah berpuas hati bahawa 13 tertuduh bertindak secara bersama dengan niat bersama hingga menyebabkan kematian mangsa.

Justeru itu katanya, pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah.

Duncan berkata, pembelaan tertuduh sama ada berupa penafian total, alibi, pengakuan separa atau menuding kepada pelajar lain didapati bercanggah dengan bukti saksi bebas serta tidak munasabah.

Dalam pada itu jelasnya, hujahan pembelaan bahawa tertuduh hanya mahu memberi pengajaran kepada mangsa adalah tidak berasas kerana kecederaan yang dialami terbukti cukup parah dan secara semula jadi membawa maut.



SERAMAI 13 remaja yang dituduh membunuh pelajar KV Lahad Datu, Mohamad Nazmie Aizzat hadir di Mahkamah Tinggi Tawau. - Gambar NSTP/ABDUL RAHEMANG TAIMING

"Isunya bukan sama ada tertuduh berniat untuk membunuh, sebaliknya sama ada kecederaan disengajakan itu sudah memadai dalam keadaan biasa menyebabkan kematian.

"Bukti perubatan jelas menunjukkan ia memang membawa maut," katanya.

Menurutnya, alasan provokasi juga tidak terpakai kerana apa yang berlaku bukan reaksi spontan, sebaliknya serangan berlarutan dan berulang kali.

Beliau turut menolak hujah bahawa mangsa mungkin terselamat sekiranya menerima rawatan segera, kerana keterangan pakar hanya menyebut ia satu kemungkinan, bukan kepastian.

Sehubungan itu, mahkamah menetapkan 28 Ogos ini untuk prosiding hukuman sementara menunggu laporan akhlak daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat mengikut peruntukan Seksyen 90(12) Akta Kanak-Kanak 2001.

Seramai 13 remaja berusia 16 hingga 19 tahun dituduh bersama-sama membunuh mangsa di bilik asrama kolej berkenaan pada jam 9 malam 21 Mac hingga 7.38 pagi 22 Mac tahun lalu.

Pada 15 April lalu, pasukan pembelaan menutup kes selepas memanggil 18 saksi pada perbicaraan peringkat bela diri dengan kesemua 13 remaja terbabit memberi keterangan bersumpah dari kandang saksi.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan (KK) dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama yang memperuntukkan hukuman mati atau penjara 30 hingga 40 tahun serta tidak lebih 12 sebatan, jika sabit kesalahan.

Lapan daripada 13 tertuduh diwakili peguam, Kamarudin Mohmad Chinki, Datuk Ram Singh serta Chen Wen Jye, manakala lima tertuduh lagi diwakili peguam Abdul Ghani Zelika dan peguam lantikan, Vivien Thien, Jhasseny P Kang, Kusni Ambotuwo serta Mohamed Zairi Zainal Abidin.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 13 TEENS FOUND GUILTY OF STUDENT'S MURDER | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 23 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



*Tawau High Court judge Datuk Duncan Sikodol says the defence's arguments, including alibis, total denials and partial admissions, are inconsistent with witness testimonies and unreasonable.* NSTP PIC BY ABDUL RAHEMANG TAIMING

DEATH AT LAHAD DATU VOCATIONAL COLLEGE

# 13 TEENS FOUND GUILTY OF STUDENT'S MURDER

Judge says defence's argument that accused only wanted to 'teach victim a lesson' is unfounded

ABDUL RAHEMANG TAIMING
**TAWAU**
news@nst.com.my

THIRTEEN teenagers, aged 16 to 19, have been found guilty of the murder of student Mohamad Nazmie Aizzat Mohd Narul Azwan, 17, at the Lahad Datu Vocational College last year.

In delivering the verdict, High Court judge Datuk Duncan Sikodol said the prosecution had proven its case beyond a reasonable doubt.

He ruled that all the accused were guilty under Section 302 of the Penal Code, read together with Section 34.

He said the defence's arguments, including alibis, total denials and partial admissions, were inconsistent with witness testimonies and unreasonable.

He said the defence's argument that the accused only wanted to "teach the victim a lesson" was unfounded because medical evidence proved the injuries were severe enough to cause death.

"The issue is not whether the accused intended to kill, but whether the intentional injury was, in normal circumstances, sufficient to cause death," he said.

"Medical evidence clearly showed that it was indeed fatal."

He said the argument of provocation was not applicable because the attack was prolonged and repeated, not a spontaneous reaction.

He dismissed the defence's argument that the victim might have survived if he had received immediate medical treatment, saying that expert testimony only mentioned this as a possibility, not a certainty.

The teenagers were charged with murdering Nazmie Aizzat at the college's dormitory between 9pm on March 21 and 7.38am on March 22 last year.

The court set Aug 28 for sentencing, pending a behavioural report from a welfare officer.

The defence closed its case on April 15 after calling 18 witnesses, with all 13 accused giving sworn statements.

The teenagers were charged under Section 302 of the Penal Code for murder, which carries a death penalty or a prison sentence of 30 to 40 years, with no more than 12 strokes of the rotan, upon conviction.

Eight of the accused were represented by lawyers Kamarudin Mohmad Chinki, Datuk Ram Singh and Chen Wen Jye, while the other five were represented by Abdul Ghani Zelika and appointed lawyers Vivien Thien, Jhasseny P Kang, Kusni Ambotuwo and Mohamed Zairi Zainal Abidin.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 13 STUDENTS FOUND GUILTY OF MURDERING COLLEGE MATE | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 23 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 13 students found guilty of murdering college mate

**By STEPHANIE LEE**
stephanielee@thestar.com.my

**KOTA KINABALU:** Thirteen teenage students of Kolej Vokasional Lahad Datu have been found guilty of murdering their college mate, in a case that has gripped Sabah since last year.

The boys, who were convicted of the murder of Mohamad Nazmie Aizzat Mohd Narul Azwan, will only be sentenced on Aug 28, pending social reports from the Lahad Datu Social Welfare Department.

Tawau High Court judge Justice Duncan Sikodol, in convicting the boys, ruled that the prosecution had proven the cause beyond reasonable doubt. The boys aged between 16 and 19 were found guilty of murdering the victim between 9pm on March 21 and 7.38am on March 22, 2024.

In his judgment, Justice Sikodol said that the medical evidence showed that the injuries were severe enough to be fatal.

He said he had considered the defence team's argument that the boys did not intend to kill but had only wanted to teach the victim a lesson when they thought he had stolen from one of them.

He said the defence team had also tried using the argument of provocation, but it was deemed "not applicable" by the court as the attack on Mohamad Nazmie Aizzat was repeated and prolonged, not spontaneous.

A total of 18 witnesses were called to testify throughout the trial in November last year.

The 13 students were first charged at the Lahad Datu Magistrate's Court on April 2, 2024, before the case was transferred to the High Court on Aug 13, 2024.

Their trial commenced in November 2024.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | COLLEGE STUDENTS FOUND GUILTY OF MURDERING PEER | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE SUN |
| TARIKH | : | 23 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# College students found guilty of murdering peer

**Sentencing fixed for Aug 28, pending behavioural reports from welfare department**

**TAWAU:** The High Court yesterday found 13 Lahad Datu Vocational College male students guilty of causing the death of fellow student Mohamad Nazmie Aizzat Mohd Narul Azwan, 17, last year.

Judge Datuk Duncan Sikodol ruled the teenagers guilty under Section 302 of the Penal Code after finding the prosecution had proven the case beyond reasonable doubt.

He fixed Aug 28 for sentencing, pending behavioural reports from the Lahad Datu Social Welfare Department as required under Section 90(12) of the Child Act 2001, Bernama reported.

"At the close of the defence, it is clear that the explanations offered, ranging from total denial, alibi, partial admission and shifting blame to a non-accused student, are either inconsistent with the evidence, contradicted by independent witnesses or inherently improbable.

"Based on the evaluation of the evidence as a whole, the court is satisfied beyond a reasonable doubt that the 13 accused, acting in concert and sharing a common intention, caused the death of the deceased in circumstances that fall within Section 300(c). The prosecution has discharged its burden."

He said the suggestion by the defence that the accused merely intended to teach the deceased a lesson and did not know the injuries would, in the ordinary course of nature, cause death and therefore fall under Section 299 of the Penal Code, is equally without basis.

He also said under Section 300(c) of the Penal Code, the question was not whether there was an intention to kill, but whether bodily injuries were intentionally inflicted that were sufficient in the ordinary course of nature to cause death.

"The medical evidence clearly established that they were. The defence of provocation is also untenable. This was not a sudden loss of self-control, but a prolonged and repeated assault."

Duncan also dismissed a suggestion by the defence that Mohamad Nazmie Aizzat might have survived if he had been given immediate medical attention, on the basis that expert testimonies did not confirm this as a certainty, but only a possibility.

"The fifth prosecution witness, Dr Dzureena Abdul Multalib, did acknowledge during cross-examination that survival was a possibility, if the deceased had received timely and aggressive medical treatment.

"Her evidence as a pathologist, in my view, went no further than suggesting a possibility, not a probability and certainty. For these reasons, the court finds that the fatal assault was the product of a shared common intention and the defences advanced are without merit."

The prosecution team comprised DPPs Nur Nisla Abdul Latif, Ng Juhn Tao and Batrisyia Mohd Khusri.

Eight of the 13 teenagers were represented by lawyers Datuk Ram Singh, Kamarudin Mohmad Chinki and Chen Wen Jye, while the other five were represented by lawyers Mohamed Zairi Zainal Abidin, Abdul Ghani Zelika, Vivian Thien, Jhesseny P. Kang and Kusni Ambotuwo.

On Feb 28, Duncan ordered the 13 teenagers to enter their defence on the charge of murdering Mohamad Nazmie Aizzat in the dormitory rooms 7 Resak and 5 Belian at the Lahad Datu Vocational College, between 9pm on March 21 and 7.38am on March 22, 2024.

They were charged under Section 302 of the Penal Code for murder, read together with Section 34 of the same Code, which carries the death penalty, or up to 40 years' imprisonment and not more than 12 strokes of the cane.

The defence proceedings began on March 10, with 18 witnesses, including all 13 accused, called to testify.

The prosecution opened its case on Nov 19, 2024, calling 25 witnesses.




The 13 teenagers could face the death penalty, or up to 40 years imprisonment and not more than 12 strokes of the cane. – **BERNAMAPIC**

# 13 remaja didapati bersalah, bunuh pelajar KV Lahad Datu

Jenayah - Dicipta: 22 Ogos 2025 02:31 PM



*Foto BERNAMA*

***TAWAU, 22 Ogos***- Mahkamah Tinggi Tawau memutuskan 13 remaja didapati bersalah atas tuduhan membunuh pelajar Kolej Vokasional (KV) Lahad Datu, Mohamad Nazmie Aizzat Mohd Narul Azwan pada Mac tahun lalu.

Hakim Duncan Sikodol memaklumkan pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah.

Kesemua tertuduh yang berusia antara 16 hingga 19 tahun didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama.

Mereka berdepan hukuman mati atau penjara 30 hingga 40 tahun serta tidak lebih 12 sebatan.

Bagaimanapun, hakim menangguhkan hukuman pada 28 Ogos sementara menunggu laporan akhlak daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengikut Seksyen 90(12) Akta Kanak-Kanak 2001.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Nisla Abdul Latif dan Ng Jhun Tao.

Mengikut pertuduhan, semua remaja itu dituduh bersama membunuh Mohamad Nazmie, 17 tahun, di bilik asrama Kolej Vokasional Lahad Datu pada pukul 9.00 malam, 21 Mac hingga pukul 7.38 pagi 22 Mac 2024.

Nazmie ditemukan tidak sedarkan diri di atas katil di bilik asrama kolej berkenaan sebelum disahkan meninggal dunia.

Keterangan perubatan turut mengesahkan kecederaan dialami mangsa berpunca daripada serangan beramai-ramai dan bukannya secara individu.

# Guru tarian mengaku tidak bersalah lakukan amang seksual

22 Ogos 2025, 3:18pm




*Lee Teck Keong ketika di Mahkamah Sesyen Kuantan atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak perempuan pada 26 Julai lalu. – Foto NSTP*

**KUANTAN:** Seorang guru tarian mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini, atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak perempuan bulan lalu.

Tertuduh, Lee Teck Keong, 57 membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Azman Mustapha dan minta dibicarakan.

Mengikut kertas pertuduhan, Teck Keong didakwa bagi maksud seksual melakukan amang seksual fizikal terhadap kanak-kanak berusia 12 tahun itu dengan cara memegang bahu dan paha.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah premis pertubuhan kumpulan kesenian di sini, pada jam 3 petang, 26 Julai lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan boleh dihukum sebat.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Anuarul Hakim Abdul Muen manakala tertuduh diwakili peguam Lim Kon Keen.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM7,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan tidak mengganggu mangsa dan saksi pendakwaan.

Sebutan semula kes ditetapkan 30 September depan untuk serahan dokumen.

# Suami guru pusat jagaan didakwa amang seksual kanak-kanak

Oleh Khirrul Nirwan Bahaudin - Ogos 22, 2025 @ 2:04pm




Seorang lelaki diiringi polis selepas didakwa di Mahkamah Sesyen Temerloh atas dua pertuduhan amang seksual terhadap kanak-kanak perempuan berusia enam tahun. - Foto NSTP/ KHIRRUL NIRWAN BAHAUDIN

TEMERLOH: Seorang lelaki berusia 33 tahun dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Temerloh, di sini, hari ini atas dua pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak perempuan berusia enam tahun di sebuah pusat jagaan anak yatim di daerah ini.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14(d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Difahamkan, tertuduh adalah suami kepada seorang guru yang mengajar di pusat jagaan berkenaan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Khairunnisa Zaffar, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Hakim Mahkamah Sesyen, Jamaludin Mat, tidak membenarkan sebarang jaminan ditawarkan memandangkan kes itu membabitkan kesalahan serius terhadap kanak-kanak.

Mahkamah kemudian menetapkan 27 September ini sebagai tarikh sebutan semula kes.

Tertuduh juga disahkan tiada rekod lampau sebelum ini.